

23/06/1997

Konsert muzik Kazakhstan memukau penonton

Jasmina Ibrahim

KETIKA Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Kazakhstan, beliau tertarik dengan persembahan kesenian dan orkestra negara itu. Maklumat ini disampaikan pengacara majlis pada persembahan perdana konsert negara itu baru-baru ini.

Bermula pada 13 Jun lalu, irama dari Presidential Guard Republic of Kazakhstan berkumandang di Stadium Merdeka, dan kemudiannya di Alor Setar, Kedah. Malam Jumaat lalu orkestra itu mengadakan persembahan di Dewan San Choon, Wisma MCA, Kuala Lumpur.

Persembahan yang diusahakan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia itu ditaja Petronas dan News Straits Times Press.

Presiden orkestra yang ditubuhkan 16 Mac 1992 ini ialah Dosmukhamed Tuykbayev. Ia dibahagi kepada beberapa kumpulan iaitu wind orchestra, big band, string orchestra dan ensemble muzik rakyat dan ball dance.

Tetamu kehormat yang hadir antaranya Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Ismail Adam, Pengarah Panggung negara, Sufiat Mukri dan Tan Sri Datuk Noordin Hassan, Timbalan Presiden Petronas.

Pada akhir majlis, Presiden Republik Kazakhstan Nursultan Nazarbaev mengucapkan setinggi terima kasih kepada rakyat Malaysia, kerana memberi layanan yang baik ketika mereka di sini.

Beliau berharap hubungan melalui kebudayaan ini dapat mengeratkan perpaduan antara dua negara.

Persembahan dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Malaysia dan Kazakhstan, disusuli persembahan muzik rakyat bertajuk Elim Menin (Bangsaku) oleh Bekbulat Tieuhan, dengan iringan alat muzik bertali. Mereka kemudiannya menyampaikan empat lagu.

Empat pemain String Orchestra memulakan dengan lagu Mozart The Small Hight Cerenade. Big Band pula menyampaikan lima lagu. Salah satu lagu itu diberi tajuk Malaysian Melody berirama joget. Big Band juga mengiringi nyanyian Sail Tutubaez dan Murat Chalabaev.

45 pemuzik dari Wind Orchestra menyampaikan dua buah lagu. Sekali lagi orkestra ini menyampaikan Malaysian Melody dengan lagu Getaran Jiwa, diikuti dengan orkestra mengiringi kumpulan pemain clarinet seramai 12 orang dengan lagu The Spring Breeze.

Orkestra juga memainkan dua lagu dengan iringan dua penari. Tarian samba dan ball dance mereka sangat bertenaga.

Zannat Baktaeva penyanyi soprano menyanyikan dua lagu dan kemudian berduet dengan Murat Chalabaev, membawa lagu dari opera Traviatta.

Persembahan diakhiri dengan orkestra memainkan lagu Slavava's Goodbye.

Persembahan malam itu berjaya memukau hampir 300 penonton yang memenuhi dewan berkenaan.

(END)